

MAJLIS PERASMIAN PERKAMPUNGAN SUKMA IX 2002

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan ketibaan YAB Datuk Chong Kah Kiat, Ketua Menteri Sabah dan mengucapkan selamat datang ke Majlis Perasmian Perkampungan Sukan Malaysia atau SUKMA Kali Kesembilan di UMS kepada semua ketua kontingen, pengurus pasukan, jurulatih serta atlit dari seluruh negeri termasuk kontingen jemputan daripada Brunei Darussalam dan *Northern Territory of Australia* ke kampus UMS.

Semoga anda semua dapat menikmati kemudahan penginapan yang selesa dan kondusif serta dapat melihat pemandangan indah di kampus ini sebagai pemangkin dan pendorong kepada semangat juang para atlit mencapai kejayaan dalam acara sukan masing-masing.

Penghargaan dan Manfaat SUKMA

Pada hemat saya, sesungguhnya majlis ini merupakan satu lagi sejarah manis kepada UMS khususnya dan Sabah amnya, dalam proses pembangunan universiti yang kini berusia lapan tahun. Justeru itu, bagi pihak seluruh warga universiti, kami berasa bangga dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberi kepercayaan penuh kepada UMS untuk menjadi tuan rumah perkampungan SUKMA Kesembilan tahun 2002 ini.

Bagi pihak universiti juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada YAB Datuk Chong Kah Kiat, Ketua Menteri Sabah dan ahli-ahli kabinet negeri yang telah berjaya membawa Sukan Malaysia Kali Kesembilan pada tahun ini ke negeri Sabah. Saya yakin penganjuran sukan ini bukan sahaja dapat memperlihatkan kehebatan dan semangat juang para atlit dari seluruh negara, malah apa yang penting akan dapat meningkatkan lagi integrasi nasional dan serantau dengan penglibatan atlit daripada pelbagai negeri termasuklah pasukan jemputan dari luar negara.

Selain itu, dengan kehadiran ramai ahli rombongan sukan dan penyokong pasukan masing-masing, secara tidak langsung pastinya akan dapat meningkatkan sektor eko-pelancongan (*eco-tourism*) di negeri Sabah yang memang terkenal dengan keindahan dan kekayaan flora dan fauna dan kemesraan masyarakatnya.

Komitmen UMS

Sukan bukan sahaja bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang aktif dan mengamalkan gaya hidup yang cergas dan sihat, malah telah menjadi alat perpaduan dan integrasi yang utama. Dewasa ini sukan tidak lagi dianggap sebagai hobi, riadah ataupun untuk kecergasan fizikal semata-mata tetapi satu bentuk disiplin, untuk merealisasikan aspirasi dan objektif negara serta seterusnya membentuk satu keperibadian nasional.

Oleh yang demikian, UMS akan terus memberikan komitmen yang tinggi dalam pembangunan sukan. Kemudahan sukan yang dapat kita lihat pada hari ini merupakan kemudahan yang dibangunkan dalam projek pembangunan universiti Fasa satu yang bernilai lebih RM1.4 billion.

Kini Fasa Dua sedang berjalan dengan lancar yang turut melibatkan beberapa pembangunan kompleks sukan yang lain seperti stadium hoki (bertaraf *astro-turf*) yang kini 90 peratus siap sepenuhnya dan stadium tertutup untuk kolam renang acara *indoor game* lain. Selain itu, pusat gimnasium juga telah siap dibangunkan yang kini terletak di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS).

R&D Pendidikan Sukan UMS

Dari segi penyelidikan dan pembangunan pendidikan sukan pula, UMS telah memulakan program pengajian sains sukan dengan pengambilan pelajar pertama seramai 26 orang pada sesi ini. Program ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang sains sukan yang melibatkan tiga bidang pengkhususan utama, iaitu pengurusan sukan, kejurulatihan dan pendidikan jasmani dan kesihatan.

Saya yakin, dengan adanya program ini, UMS akan dapat melahirkan lebih ramai para pegawai sukan yang berpengetahuan, berkemahiran dan bersifat profesional untuk kepentingan dan pembangunan pengurusan sukan negara.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Chong Kah Kiat, Ketua Menteri Sabah yang telah meluangkan masa menghadiri dan seterusnya merasmikan Perkampungan SUKMA Kali Kesembilan ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak YB Datuk Hj. Yahya Hussin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, negeri Sabah yang sering menghulurkan bantuan dan kerjasama.

Seterusnya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan perkampungan SUKMA Kesembilan ini. Kepada para pegawai, urus setia dan sukarelawan UMS, syabas dan tahniah diucapkan di atas komitmen dan dedikasi anda yang amat tinggi nilainya bagi memastikan universiti kita menjadi urus setia perkampungan SUKMA terbaik yang pernah dianjurkan.

Untuk itu juga, bagi pihak universiti, saya memohon kemaafan sekiranya terdapat sebarang kekurangan di sepanjang pengurusan perkampungan SUKMA ini. Pihak universiti akan memberikan kerjasama dan perhatian sepenuhnya bagi memastikan pengurusan perkampungan SUKMA Kali Kesembilan ini mencapai objektifnya. Selamat berkampung di UMS, semoga maju jaya dan majulah sukan untuk negara.

Ucapan di Majlis Perasmian Perkampungan SUKMA IX 2002 di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah pada 5 September 2002.